

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SBW302 - Pengurusan Sumber-Sumber Asli

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja

1. Sepanjang abad ke-20, aktiviti manusia semakin bergantung kepada bahan api fosil, khususnya petrol dan gas asli, sebagai sumber utama tenaga. Huraikan secara ringkas perkembangan teknologi tenaga dalam sejarah manusia. Apakah sumber tenaga alternatif dan teknologi tenaga alternatif yang mungkin dapat dimajukan dalam dekad-dekad akan datang? Apakah kebaikan dan kelemahan berkaitan dengan alternatif-alternatif tersebut?
(100 markah)

2. Tuliskan nota-nota ringkas tentang perkara-perkara berikut:
 - i) Hipotesis Gaia
(30 markah)
 - ii) bioteknologi dan sumber-sumber genetik dalam pertanian
(30 markah)
 - ii) penyakit muncul & penyakit muncul semula (*emergent & re-emergent diseases*)
(40 markah)

...2/-

3. Bincangkan konsep “pembangunan mampan” sepertimana yang dikemukakan oleh Herman Daly dan rakan-rakannya. Sejauhmanakah masyarakat manusia telah melebihi kapasiti mampan ekosistem sedunia ?
(100 markah)
4. a) Huraikan perkara-perkara berikut:
i) kesan rumah kaca
ii) pemusnahan lapisan ozon
(50 markah)
- b) Apakah perubahan dalam komposisi atmosfera yang telah berlaku sejak pembentukan dunia 4 billion tahun sebelum kini?
(50 markah)
5. Mengikut Perlembagaan Malaysia, pengurusan sumber asli (termasuk sumber air) adalah di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing. Dalam konteks perhubungan persekutuan-negeri, bincangkan perkara ini daripada aspek teknikal, ekonomi, dan politik.
(100 markah)